

MTUC harap PM Najib akan selesai isu NUBE-Maybank
The Malaysian Insider
09 September, 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 9 Sept — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), badan induk kesatuan masih meletakkan harapan agar Datuk Seri Najib Razak akan menyelesaikan isu-isu yang dibawa oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Bank Kebangsaan (NUBE) berkaitan dengan pengurusan bank terbesar negara, Maybank.

Kedua-dua pihak itu berhadapan dengan isu tuntutan bonus dan kesahihan penubuhan sebuah kesatuan dalaman bagi kategori pekerja yang sama.

"Kami berharap bahawa Perdana Menteri akan menghubungkan diri beliau bagi menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh NUBE, kami berharap Perdana Menteri akan bertindak untuk membetulkan keadaan (masalah yang wujud)," kata Presiden MTUC Khalid Atan kepada The Malaysian Insider hari ini.

NUBE yang berusia lebih 50 tahun mewakili 5,000 pekerja Maybank.

Mengenai tahap harapan ke atas bakal penyelesaian, Khalid berkata: "Kami berharap begitu... bila ia akan selesai, kita kena tunggu dan lihat... harapan adalah harapan."

Khalid juga berkata selaku anggota gabungan MTUC, NUBE telah pun membawa isu dihadapinya kepada perhatian mereka.

"Kami telah membincangkan dan MTUC menyokong tuntutan mereka," kata beliau.

Khalid menjelaskan, MTUC berpendirian bahawa kerajaan tidak wajar membenarkan penubuhan kesatuan dalaman apabila sudah ada kesatuan kebangsaan di sesebuah organisasi.

"Sama ada wujud kelonggaran dalam undang-undang buruh, kami tidak pasti. Tetapi, dari segi moral, ia tidak patut. Kami sudah ada pendirian dalam hal ini, tetapi saya tidak mahu mengulas lanjut takut akan didakwa ada unsur subjudis," katanya merujuk kepada tindakan mahkamah yang sudah pun diambil oleh NUBE.

"Pun begitu, kami mengharapkan satu keputusan yang positif," tambah beliau.

Dalam satu kenyataan kelmarin, NUBE yang pernah digambarkan sebagai pendukung kuat Najib, kini meragui kepimpinan beliau sambil mendakwa populariti kerajaan Malaysia terus menyusut di kalangan pekerja.

Kesatuan mewakili 30,000 pekerja mendakwa Najib selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan gagal menyelesaikan isu-isu pekerja industri perbankan, khususnya menyentuh Maybank yang dibawa kepada perhatian beliau sejak setahun lalu.

Setiausaha Agung NUBE J Solomon berkata, kemerosotan populariti kerajaan Malaysia disebabkan banyak faktor, antaranya termasuk bertambah luasnya jurang pendapatan antara miskin dan kaya selain penindasan ke atas pekerja dan juga kenaikan kadar inflasi.

"Dengan aktiviti kesatuan sekerja yang makin meningkat, pengecilan hak-hak dan penurunan paras pendapatan sebenar, rakyat Malaysia semakin kecewa dan perasaan ini terus membesar," kata Solomon.

Sehubungan itu kata Solomon, pendirian membisu Najib ke atas aduan-aduan yang pernah dibuat berkaitan Maybank, bank terbesar dan syarikat berkaitan dengan kerajaan, tidak akan membuatkan beliau disayangi oleh publik.

"Maybank dengan berani dan kejam telah melanggar standard-standard antarabangsa berkaitan hak asasi manusia, mempersenda undang-undang Malaysia dan menyebabkan jurang pendapatan semakin meluas," katanya lagi.

Tegas NUBE, setahun sudah berlalu pihaknya merayu kepada Najib mengenai masalah yang dihadapi dengan pengurusan Maybank.

"Tetapi sehingga kini Perdana Menteri tidak memenuhi rayuan agar dibantu meskipun menjadi penyokong kuat kerajaan," kata beliau lagi.

Sehubungan itu kata beliau, NUBE tiada pilihan melainkan mengadakan kempen jelajah di seluruh negara untuk menjelaskan sejauh mana Maybank telah mengeksploitasi pekerja-pekerja miskin dan memperlekeh hak-hak kesatuan sekerja, yang mempunyai impak langsung ke atas pekerja-pekerja bank.

Sejak dua tahun lalu, NUBE berhadapan dengan dua isu penting iaitu mendesak agar 7,000 anggotanya yang berjawatan rendah di Maybank diberi bayaran bonus tertunggak 80 bulan.

Selain itu, NUBE juga berhadapan dengan masalah ekoran keputusan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja meluluskan pembentukan kesatuan dalaman pekerja bukan eksekutif Maybank kerana ia bercanggah dengan Seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Mengenai dakwaan NUBE yang meragui kepimpinan Najib sambil mendakwa populariti kerajaan Malaysia terus menyusut di kalangan pekerja, Khalid berkata, pihaknya menyokong mana-mana pihak yang sanggup menyelesaikan tuntutan dan masalah pekerja negara ini.

"Kami menyokong mana-mana pihak yang menyokong perjuangan pekerja, kami menyokong Perdana Menteri jika beliau boleh membawa keputusan positif kepada perjuangan dan tuntutan pekerja... itu pendirian kami, kami menyokong siapa yang sanggup membantu kami" katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mtuc-harap-pm-najib-akan-sel-esai-isu-nube-maybank/>